

18<sup>hb</sup> April 2016

## SIARAN AKHBAR

# PBAHB MENANDATANGANI IKRAR INTEGRITI KORPORAT BERSAMA SPRM

PULAU PINANG, Isnin, 18/4/2016: PBA Holdings Bhd (PBAHB) menandatangani ‘Ikrar Integriti Korporat’ (IIK) bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini.

Ketua Menteri Pulau Pinang dan Pengurus Lembaga PBAHB YAB Tuan Lim Guan Eng berkata penandatanganan ikrar ini merupakan komitmen korporat yang penting.

“IIK adalah suatu komitment bagi mendukung prinsip pencegahan rasuah. Kakitangan sesebuah syarikat yang menandatangani IIK bersama SPRM berikrar bahawa mereka tidak akan terlibat dalam sebarang jenayah rasuah,” katanya semasa majlis perasmian di Hotel Jen. Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM (Pencegahan) Dato’ Sri Hj. Mustafar bin Hj. Ali turut hadir dalam majlis.

PBAHB merupakan syarikat induk Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP), syarikat bekalan air yang berkhidmat untuk Negeri Pulau Pinang.

Ahli-ahli lembaga PBAHB yang hadir termasuk Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang 1, YB Dato’ Mohd Rashid Hasnon.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAHB dan PBAPP, Dato’ Jaseni Maidinsa menandatangani IIK bersama Pengarah SPRM Pulau Pinang, Dato’ Samarajoo Manikam.

Dato’ Jaseni turut mengambil bahagian dalam upacara ikrar korporat oleh lebih daripada 50 kakitangan, termasuk ketua bahagian, pengurus dan eksekutif, semasa majlis yang dihadiri oleh ahli-ahli lembaga dan wakil-wakil daripada 20 pembekal terbesar PBAPP. Sehingga 31<sup>hb</sup> Disember 2015, kakitangan PBAHB dan PBAPP berjumlah 1,240 orang.

YAB Tuan Lim menyatakan bahawa PBAHB adalah syarikat bekalan air yang pertama di Wilayah Utara yang menandatangani IIK.

“Saya berpendapat bahawa prinsip-prinsip IIK termasuk promosi nilai-nilai ketelusan, integriti dan tadbir urus yang baik, perkukuhkan mekanisme kawalan dalaman, pematuhan undang-undang serta peraturan-peraturan dan pembenterasan sebarang bentuk amalan rasuah adalah seiring dengan dasar CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus) yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri,” kata YAB Tuan Lim.

“Pentadbiran bersih Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menjadi penanda aras Kerajaan Negeri untuk membuat sebarang keputusan berdasarkan dasar CAT,” ia berkata.

YAB Tuan Lim menyatakan bahawa dasar CAT dapat diperkasakan dengan 6 langkah integriti yang kini diamalkan oleh Kerajaan Negeri sehingga mendapat pujian daripada ‘Transparency International’.

6 langkah integriti tersebut adalah seperti berikut:

- Melaksanakan pengisytiharan harta secara terbuka oleh Ketua Menteri dan ahli EXCO yang diperiksa oleh sebuah firma perakaunan antarabangsa;
- Melaksanakan tender terbuka yang kompetitif;
- Menghalang ahli keluarga daripada terlibat dalam kontrak-kontrak kerajaan;
- Melindungi pemberi maklumat tulen;
- Menggugurkan pemimpin yang bergaya hidup mewah; dan
- Telus tentang sumbangan dan derma politik.

“Trend global pula menunjukkan syarikat multinasional telah menunjukkan kecenderungan untuk memilih rakan kongsi perniagaan yang telah menggunakan dan melaksanakan polisi pencegahan rasuah dan integriti korporat secara terbuka,” kata YAB Tuan Lim.

---

Hubungi : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)